

Rujukan : USM. 25/3/i/d JLD. XX

Tarikh : 29 Julai 2026

Kepada : Semua Staf Pentadbiran
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin/
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi
Universiti Sains Malaysia

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 42 TAHUN 2026

- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2026

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2026 akan diadakan pada bulan **September 2026**. Pihak Universiti telah menetapkan agar Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dijalankan secara dalam talian (**online**) di satu tempat khas yang akan ditentukan Universiti.

2. **Senarai kertas peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) adalah seperti berikut:**

- (a) Penolong Pegawai Sains C5
- (b) Penolong Pegawai Keselamatan KP5
- (c) Penolong Pegawai Tadbir N5
- (d) Penolong Pegawai Belia dan Sukan S5
- (e) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA5
- (f) Penolong Pustakawan S5
- (g) Penolong Akauntan W5

3. **Staf Yang Layak Mengambil Peperiksaan**

Staf yang layak mengambil peperiksaan ialah staf yang telah sah dalam jawatan yang disandang:

- (a) **Penolong Pegawai Sains C5**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Makmal Gred C1/2/3
- (b) **Penolong Pegawai Keselamatan KP5**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP1/2/3
- (c) **Penolong Pegawai Tadbir N5**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1/2;
 - Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N1/2; dan
 - Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1/2
- (d) **Penolong Pegawai Belia dan Sukan S5**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Belia dan Sukan Gred S1/2/3
- (e) **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA5**
 - Untuk staf dalam jawatan Juruteknik Komputer Gred FT1/2/3

...2/-



HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 42 TAHUN 2026

- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2026

(f) **Penolong Pustakawan S5**

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Pustakawan Gred S1/2/3

(g) **Penolong Akauntan W5**

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Akauntan Gred W1/2/3; dan
- Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1/2/3/4

4. **Had Umur Permohonan (selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/2013)**

- (a) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh permohonan bagi staf yang umur persaraan wajib 55 tahun atau 56 tahun; atau
- (b) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh permohonan bagi staf yang umur persaraan wajib 58 tahun; atau
- (c) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh permohonan bagi staf yang umur persaraan wajib 60 tahun.

5. **Jadual Peperiksaan**

Peperiksaan akan diadakan pada bulan **September 2026**. Tarikh sebenar bagi setiap kertas peperiksaan akan ditentukan selepas permohonan diproses. Jadual waktu peperiksaan akan diberikan kepada setiap calon sebelum peperiksaan diadakan. Sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon-calon yang terlibat. Setiap calon yang akan mengambil peperiksaan perlu mematuhi peraturan/arahan yang akan dilampirkan bersama jadual peperiksaan tersebut. **Maklumat lanjut mengenai sukatan peperiksaan yang akan diadakan boleh diperolehi melalui laman web bsm.usm.my.**

6. **Permohonan**

Staf yang ingin mengambil peperiksaan perlu membuat permohonan melalui **Campus Online pada menu e-Exam**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi **Encik Muhammad Fariz Ahmad Ali**, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (*sambungan 6094 / 6104; fariz@usm.my*).

7. **Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Ogos 2026**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

...3/

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 42 TAHUN 2026


- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2026

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Ketua Pentadbiran
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi